


KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 3 NOVEMBER 2015 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Nuclear energy a matter of time for Malaysia	Malay Mail
2.	MCMC perkenal label pengguna perkhidmatan DTTB Malaysia	KOSMO
3.	Cebisan tulang untuk analisis pakar forensik	Berita Harian
4.	Kerelevanan beberapa barang kes dengan Pencerobohan Lahad Datu tidak dapat disahkan	BERNAMA
5.	Mirip kes bunuh Sosilawati	Harian Metro
6.	Top Research Scientists Malaysia	Berita Harian
7.	Top Research Scientists Malaysia	New Straits Times

MONEY

MNS believes nuclear power is a viable energy option for Malaysia and with a sound foundation to embark on nuclear power plants, it would take less time to produce energy.



Nuclear energy a matter of time for Malaysia

By Fatimah Rashid
fatimah@mmail.com.my

KUALA LUMPUR — Declining energy security, instability in oil and gas prices as well as uncertainties in coal outsourcing could lead Malaysia to enter the nuclear energy production fray, said energy experts.

The Malaysian Nuclear Society (MNS) says nuclear energy is a viable option for Malaysia, since it would take less time to produce energy via this technology.

With the target to diversify its sources of energy production, the country seems ready to make a leap towards nuclear power.

"Malaysia will benefit in terms of economic and technological growth, which are important indicators in measuring a nation's development, and we also have a sound foundation to embark on nuclear power plants.

"Normally it would take 15 years for an emerging country to have a nuclear power plant but with some of the expertise and know-how already developed within Malaysia, it will take us less than 10 years," a spokesperson from the MNS said to *Malay Mail*.

Malaysia Nuclear Power Corp (MNPC) director Jamal Khaer Ibrahim had said the earliest possible time that Malaysia will be able to have its first nuclear power plant would be in 2029.

All sources point to the fact that Malaysia

is well equipped to implement its nuclear energy programme as it has the knowledge and the capacity.

In 2013, Malaysia used roughly 24 million tonnes of coal to generate electricity, but because the country's natural coal output is only at around three million tonnes per year, over 20 million tonnes have to be imported yearly, which would reduce the energy security.

The percentage of coal in the power generation mix in Peninsular Malaysia has gone up from 47% in 2013 to 50% in 2015, and is expected to reach 64% by 2019.

The country has also put forward a programme to reduce its over dependence on the now volatile oil and gas industry, thus paving the way for the potential to launch Southeast Asia's first nuclear power plant.

In 2010, the government allocated a RM30 million budget for MNPC to conduct a detailed study, but that budget has yet to be spent.

Malaysia is trying to diversify its energy sources to ensure the country's energy supply security is intact, by relying less on imports such as coal to fire power plants.

Jamal said increasing dependence on coal imports and share of coal in electricity generation is leading to decreasing energy security as well as increasing carbon emissions.

"Nuclear fuel is very concentrated, you do not need much material to generate electricity and you can actually store six to

seven years supply of nuclear fuel within the plant, and even if you cut off supply you can still operate for seven years.

"Each year you would use only about 30 tonnes of uranium, so every year you have to replenish about 30 tonnes, and that is if you operate 24 hours daily. But for coal, you need a shipload every four days, that is what I mean by energy security," he said.

Jamal said diversification of energy sources is important as each energy source has its own advantages and disadvantages, so there is no single answer.

"There has to be a balance, there is no energy source that is without risk or perfect — different sources have different pros and cons," said Jamal.

Currently, coal and gas are two major sources of energy for Malaysia. If problems were to arise with either one, supply would be at risk.

"Coal is mostly imported, so if we have problems with the coal supply, then half our electricity supply will be at risk.

"Gas is still mostly local, but once it runs out we would have to import that as well, so that is the decision the country has to make," Jamal said.

MNS said several efforts and policies have been put in place, such as human resource development efforts, the Nuclear Energy Programme Implementing Organisation to spearhead the nuclear energy programme and the Atomic Energy Licensing Board which has been regulating the nuclear

applications in Malaysia since 1968.

"Malaysia has been an exemplary nation among Asean countries in terms of collaborations and compliance with the International Atomic Energy Agency.

"With a responsible and committed leadership, Malaysia will surely become the leader in nuclear energy utilisation," said MNS.

It believes nuclear power is a viable energy option for Malaysia and with a sound foundation to embark on nuclear power plants, it would take less time to produce energy.

MNPC is finalising reports of a recently-concluded survey to gauge public sentiment to determine the kind of information the public would like to know on nuclear power generation, so it could prepare materials for public communication, which is one of the requirements before the government gives it the go-ahead to identify potential sites for the plant.

The preparation of the material based on the results of the survey, which was carried out among 2,400 respondents would be ready by year-end.

"We have to do the public communication first, until the government says it is okay for us to do the site, but for the moment it has not been done.

"We have just finished the public opinion survey, so based on that survey we are preparing the material on what the public wants to know," said Jamal.

MCMC perkenal label pengguna perkhidmatan DTTB Malaysia

Oleh NADZARUL AMIR ZAINAL AZAM

CYBERJAYA – Dalam era globalisasi yang semakin berdaya saing dan maju, proses perkembangan evolusi dunia penyiaran analog secara berperingkat-peringkat mula beralih kepada digital.

Malaysia tidak terkecuali merasai tempas teknologi yang melanda dunia apatah lagi dalam mengejar status negara maju pada tahun 2020.

Antara inisiatif terpenting dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) 2016-2020 merupakan transformasi sistem analog ke digital di bawah naungan Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) dan diselia Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (MCMC).

Projek berkenaan merupakan agenda nasional untuk mentransformasi industri penyiaran TV percuma negara melalui pendigitalan bertujuan mempertingkatkan taraf hidup rakyat.

Sistem penyiaran televisyen di negara ini bakal merasai perubahan dalam bentuk Digital Terrestrial Television Broadcasting (DTTB) pada Januari 2016.

Fasa transformasi berkenaan melibatkan penyediaan liputan siaran DTTB kepada kira-kira 85 peratus kawasan berpenduduk di seluruh negara pada awal 2016.

Malahan, kerajaan menyasarkan peningkatan sehingga 98 peratus penduduk di negara ini akan menikmati siaran digital sepenuhnya menjelang tahun 2017.

Sejajar dengan transformasi penyiaran analog kepada digital yang bakal dinikmati rakyat negara ini, pihak MCMC telah melancarkan label pengguna DTTB Malaysia baru-baru ini.



KETUA Bahagian Perkhidmatan Digital dan Platform Data MCMC, Adrian Abdul Ghani (dua dari kanan) melancarkan label DTTB Malaysia bersama sebahagian panel seminar DTT Receiver Consumer Label di MCMC Tower Cyberjaya.



AZLINA



FAUZIAH

Ketua Jabatan Penciptaan Digital dan Platform Pengedaran MCMC, Azlina Mohd. Yusof berkata, label berkenaan diperkenalkan untuk melindungi kepentingan para pengguna apabila membeli peralatan integrated Digital TV (iDTV) atau Set Top Box (STB)/Dekoder.

"Ia amat penting untuk me-

mastikan para pengguna yang ingin mendapatkan perkhidmatan siaran digital ini tidak tertipu atau pihak tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan terhadap mereka.

"Justeru, melalui label ini, para pengguna akan lebih peka bahawa STB atau Dekoder dan iDTV yang dibeli telah diiktiraf untuk mendapat perkhidmatan DTTB terbaik," katanya.

Azlina menjelaskan, label pengguna DTTB Malaysia yang baru dilancarkan itu digalakkan untuk diguna pakai pada produk penerima siaran digital ini serta meyakinkan pengguna bahawa ia mematuhi ketetapan pensijilan oleh MCMC serta SIRIM Berhad (SIRIM).

Beliau berkata, pihak SIRIM akan mengurus tadbir pengeluaran label berkenaan kepada pembekal-pembekal dan pengeluar integrated Digital TV (iDTV) STB/Dekoder.

iDTV adalah TV yang boleh menerima isyarat digital dan STB/Dekoder pula digunakan sebagai alat medium perantaraan bagi TV analog yang sedia ada agar mampu menerima isyarat digital.

Sementara itu, **Ketua Sekyen Pensijilan Komunikasi dan Multimedia SIRIM Qas International, Fauziah Fadzil** pula berkata, pengenalan label DTTB Malaysia bukan sahaja akan memberi kelebihan kepada para pengguna tetapi kepada pembekal dan pengeluar iDTV dan STB/Dekoder.

"Ini kerana ia akan memberi jaminan produk yang ditawarkan mereka mampu menerima

INFO DTTB

- Negara akan migrasi sepenuhnya kepada siaran digital menjelang tahun 2018
- Malaysia kini mempunyai tujuh saluran TV FTA iaitu TV1 dan TV2 siaran Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan saluran TV3, ntv7, 8TV dan TV9 yang dimiliki oleh konglomerat Media Prima Berhad serta TV AlHijrah yang dikendalikan oleh AlHijrah Media Corporation
- Oleh sebab siaran DTTB menggunakan pemancar bumi (terrestrial), ia tidak akan mengalami gangguan cuaca
- Ia akan dilakukan secara berperingkat-peringkat, bermula dari Pantai Timur iaitu Pahang, Kelantan dan Terengganu
- Kerajaan sasar 98 peratus penduduk di negara ini akan menerima siaran digital secara menyeluruh menjelang 2017

siaran digital percuma yang bakal dinikmati rakyat negara pada tahun hadapan.

"Ia sekali gus tentu sekali akan memberi kelebihan kepada mereka apabila para pengguna ingin membeli iDTV atau STB/Dekoder," ujarnya.

Beliau menjelaskan, pengenalan label pengguna DTTB Malaysia itu adalah digalakkan kepada pengeluar TV setelah para pembekal dan pengeluar mendapatkan Pensijilan Mandatori MCMC bagi menandakan bahawa produk yang dikeluarkan mematuhi arahan pematuhan.

"Sehingga kini, terdapat kira-kira 168 model iDTV pelbagai jenama yang telah mendapat perakuan SIRIM.

"Antara jenama tersebut ialah Samsung sebanyak 59, Sony (43), Sharp (25), Panasonic (24), LG (12) dan Toshiba (7)," katanya.

Cebisan tulang untuk analisis pakar forensik

Beberapa cebisan tulang dipercayai ada kaitan dengan kes pembunuhan kejam empat mangsa di Tapah, dibawa ke Jabatan Forensik Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini jam 1 tengah hari semalam.

Difahamkan, cebisan tulang berkenaan ditemui di lokasi kejadian di Tapah dan dibawa ke hospital itu untuk analisis lanjut oleh pakar forensik bagi mengesahkan sama ada ia tulang manusia atau sebaliknya.

Semua cebisan tulang itu dimasukkan dalam sebuah kotak berwarna putih untuk diserahkan kepada jabatan berkenaan dengan proses bedah siasat dijangka mulai dilakukan hari ini.

Jalankan analisis, ujian DNA

Sumber berkata, jika ia disahkan sebagai tulang manusia, analisis juga akan dilakukan untuk mengetahui tulang itu daripada bahagian anggota yang mana pada tubuh manusia.

Katanya, tulang yang mempunyai asid deoksiribonukleik (DNA) akan dihantar ke **Jabatan Kimia** untuk proses analisis selanjutnya.

"Pihak forensik polis juga akan mengambil sampel DNA keluarga mangsa yang disyaki dibunuh dalam kes itu bagi proses padanan DNA," katanya.



Kerelevanan Beberapa Barang Kes Dengan Pencerobohan Lahad Datu Tidak Dapat Disahkan

KOTA KINABALU, 2 Nov (Bernama) -- Seorang penganalisis forensik tidak dapat mengesahkan kerelevanan beberapa barang kes digital dengan "Ops Daulat", operasi untuk mengusir penceroboh Lahad Datu, Mahkamah Tinggi di sini diberitahu hari ini.

Penganalisis forensik digital kanan CyberSecurity Malaysia Jazreena Abdul Jabar berkata ini berdasarkan analisis yang dijalankan ke atas data yang dikeluarkan daripada barang kes.

"Dalam perenggan 5.0 di muka surat sembilan Laporan Forensik Keselamatan Siber, ia menyatakan bahawa daripada analisis forensik yang dijalankan ke atas barang kes, beberapa data dan dokumen telah dikeluarkan.

"Bagaimanapun, DFD (Jabatan Forensik Digital CyberSecurity Malaysia) tidak dapat mengesahkan penemuan berkaitan Ops Daulat yang menunjukkan niat atau perancangan menceroboh negeri Sabah," katanya.

Jazreena berkata demikian semasa pemeriksaan balas oleh peguam Majnah Abdillah pada perbicaraan 30 individu yang dikaitkan dengan insiden pencerobohan oleh sekumpulan lelaki Sulu yang bersenjata di Kampung Tanduo, Lahad Datu pada Februari 2013.

Saksi juga bersetuju dengan andaian peguam bahawa penemuan dalam laporan tersebut memenuhi permohonan oleh polis untuk mengeluarkan semua data yang relevan dengan operasi.

Terdahulu semasa pemeriksaan utama, Jazreena berkata beliau menerima barang kes daripada dua pegawai polis iaitu ASP Muhammad Zulkifly Mohd Isa dan ASP Zairolnizal Ishak.

Beliau berkata sebaik menerima barang kes, beliau membuat penanda pada setiap barang kes dan menyerahkannya kepada Pengurus Operasi Forensik Digital Fauzi Mohd Darus.

"Selepas membuat penandaan, saya pateri semula barang kes dan menyerahkan barang kes yang diterima daripada ASP Muhammad Zulkifly, kepada Encik Fauzi pada 29 Mac, 2013 sementara barang kes yang diterima daripada ASP Zairolnizal diserahkan kepada Encik Fauzi pada 14 April, 2013," kata saksi.

"Adakah ASP Muhammad Zulkifly dan ASP Zairolnizal, pada bila-bila masa, memberitahu kamu dari mana mereka mendapat barang kes digital tersebut," tanya Timbalan Pendakwa Raya Jamil Aripin, dan saksi menjawab: "Tidak".

Jazreena juga berkata beliau tidak dlmaklumkan oleh pegawai polis berkenaan siapa pemilik barang kes tersebut.

Dua puluh tujuh warga Filipina dan tiga penduduk tempatan, dibicarakan atas satu hingga pelbagai tuduhan menganggotai kumpulan pengganas atau melancarkan perang terhadap Yang di-Pertuan Agong.

Mereka juga dituduh merekrut anggota untuk kumpulan pengganas atau secara sukarela melindungi individu yang mereka tahu adalah anggota kumpulan pengganas.

Mereka dituduh melakukan kesalahan itu antara 12 Feb dan 10 April, 2013.

Perbicaraan di hadapan Hakim Stephen Chung di Jabatan Penjara Sabah bersambung esok.


-- BERNAMA

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 4
TARIKH : 3 NOVEMBER 2015 (SELASA)



Mirip kes bunuh Sosilawati

ANGGOTA polis membawa suspek kes bunuh ke mahkamah.



■ Empat sekeluarga ditahan bantu siasatan kes 4 mangsa dibakar, abu dicampak dalam sungai

Oleh Muhammad Apendy Issahak, Asrizal Aris dan Farah Suhaidah Othman
 am@hmetro.com.my
Tapah

Kejadian mengejutkan apabila empat mangsa bunuh dibakar sebelum abu mayat mereka dibuang ke dalam sungai.

Jenayah mirip kes pembunuhan jutawan kosmetik Datuk Sosilawati Lawiya dan tiga yang lain disyaki dilakukan empat sekeluarga di sebuah bengkel kenderaan di Jalan Pahang, berhampiran Plaza Tol Tapah, di sini.

Setakat ini, siasatan polis mengesahkan empat individu dipercayai menjadi mangsa kekejaman keluarga berkenaan.

Mangsa seorang pekebun dan broker tanah berusia 46 tahun yang dilaporkan hilang pada 25 Ogos lalu, pengusaha bas persiaran

wanita berusia 56 tahun (hilang 1 Mac 2014), juru jual alat ganti kenderaan berusia 54 tahun (hilang 15 Jun 2014) dan pekerja bengkel berusia 36 tahun yang dilaporkan hilang pada 30 Oktober 2012.

Menurut sumber, pembongkaran kes itu hasil siasatan terhadap kes kehilangan seorang broker tanah bernama Punjabi berusia 46 tahun yang hilang selepas keluar dari rumahnya di Chenderiang, di sini menaiki motosikal Yamaha Lagenda pada 25 Ogos lalu.

"Hasil siasatan dan risikan polis berjaya mengesan isyarat telefon bimbit milik mangsa hingga membawa kepada penahanan keluarga berkenaan.

"Siasatan lanjut mendapati keluarga itu dipercayai terbabit membunuh broker tanah berkenaan serta tiga lagi mangsa lain selain dipercayai membunuh dua lagi mangsa yang belum dapat dipastikan keahliannya," katanya.

Timbalan Ketua Polis Perak Datuk Hassan Hassan berkata, polis percaya tiga lelaki dan seorang wanita pelbagai kaum menjadi mangsa keluarga terbabit dengan motif pembunuhan berkaitan masalah hutang serta seorang mekanik dikatakan mencuri harta suspek.

Katanya, empat sekelu-

arga berkenaan ditahan jam 1.30 tengah hari pada 26 Oktober lalu di bengkel kenderaan mereka yang juga dijadikan rumah keluarga itu.

Menurutnya, tangkapan hasil siasatan dilakukan berhubung kes kehilangan seorang daripada mangsa yang dilaporkan pada 25 Ogos lalu dan rentetan daripada penahanan itu membongkar kes kehilangan tiga lagi mangsa lain.

"Pada 25 Ogos lalu, satu laporan polis mengenai orang hilang dibuat seorang lelaki mengenai kehilangan bapanya yang bekerja sebagai pekebun dan broker tanah yang keluar dari rumah di Kampung Sungai Lah, Chenderiang dan tidak pulang sehingga hari ini.

"Bertindak atas maklumat itu, polis menahan satu keluarga terdiri daripada seorang mekanik berusia 57 tahun (bapa), mekanik berusia 20 tahun (anak lelaki), seorang penganggur 17 tahun (anak lelaki) dan seorang wanita berusia 54 tahun (isteri), Rabu lalu.

"Siasatan awal, si bapa dipercayai terbabit dengan kes kehilangan broker tanah berkenaan dan bertindak meninggalkan motosikal mangsa di tepi jalan meng-

hala ke Cameron Highlands, beberapa kilometer dari bengkelnya dan siasatan lanjut turut mendedahkan tiga lagi mangsa dipercayai dibunuh oleh keluarga berkenaan," katanya.

Maklumat polis mendedahkan semua mangsa di bunuh dan dibakar di atas zink sebelum sisa pembakaran serta abu dibuang di Sungai Ceroh bersebelahan bengkel itu.

Beliau berkata, pihak Forensik Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Forensik Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh, sudah menjalankan siasatan tempat kejadian (CSI) pada Jumaat hingga Sabtu lalu di beberapa tempat sekitar kawasan Tapah.

"Beberapa sampel tulang ditemui dan dihantar ke HRPB untuk di bedah siasat dan seterusnya bagi mengenal pasti DNA tulang berkenaan," katanya.

Pemeriksaan turut mendapati suspek utama memiliki tujuh rekod jenayah lampau membabitkan empat kes pecah rumah dan tiga kes lain iaitu tipu, curi serta pecah amanah.

Semua suspek direman kali pertama selama tujuh hari bermula 27 Oktober lalu dan disambung reman semalam hingga Jumaat ini.

"Polis akan menyemak laporan kehilangan orang lain yang mungkin ada kaitan dengan semua suspek dan kami memohon orang ramai mempunyai maklu-

Forensik analisis serpihan tulang

Ipoh: Beberapa serpihan tulang dipercayai mangsa pembunuhan kejam oleh empat sekeluarga di Tapah, dibawa ke Jabatan Forensik Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) di sini pada jam 1 tengah hari semalam.

Difahamkan, tulang itu ditemui di kawasan bengkel kenderaan milik suspek dan dibawa ke hospital untuk analisis lanjut oleh pakar forensik bagi mengesahkan sama ada ia tulang manusia atau sebaliknya.

Semua tulang dimasukkkan dalam kotak berwarna putih dibawa oleh sepasukan polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tapah untuk diserahkan

kepada jabatan berkenaan dengan proses bedah siasat dijangka mulai dilakukan hari ini.

Menurut sumber, sekiranya ia disahkan sebagai tulang manusia, analisis lanjut akan dilakukan untuk mengetahui tulang itu daripada bahagian anggota yang mana pada tubuh manusia.

"Tulang yang mempunyai asid deoksiribonukleik (DNA) akan dihantar ke Jabatan Kimia untuk proses analisis selanjutnya.

"Pihak forensik polis juga akan mengambil sampel DNA keluarga mangsa yang disyaki dibunuh dalam kes itu bagi proses padanan DNA," katanya.

mat tampil membantu siasatan," katanya.

Hasnan berkata, satu pasukan khas turut ditubuhkan membabitkan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tapah, Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Perak dan Bukit Aman yang diketuai oleh Senior Asisten Komisioner Goh Kok Liang untuk menjalankan siasatan lanjut berhubung kes bunuh terbabit.

Suspek utama menjan-

kan perniagaan di bengkel itu yang disewa daripada seorang penduduk tempatan.

Dia tinggal di bengkel itu bersama isteri serta empat anaknya, namun dua anak perempuannya yang masih kecil tidak ditahan polis.

Penduduk setempat di katakan tidak berani menghampiri bengkel berkenaan kerana puluhan anjing yang dipelihara suspek, garang dan menyalak jika sesiapa datang ke situ.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN : MUKA SURAT 25
TARIKH : 3 NOVEMBER 2015 (SELASA)



Terima Kasih

YB Datuk Seri Panglima Madius Tangau dan YB Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah
Menteri dan Timbalan Menteri, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

yang telah meraikan majlis
pengiktirafan tertinggi komuniti saintifik Malaysia
pada 31 Oktober 2015



Tahniah



Felo Kanan 2015

Academician Emeritus Professor Tan Sri Dr Zakri Abdul Hamid FASc . Academician Emeritus Professor Dato' Dr Lam Sai Kit FASc

Felo 2015

Sains Perubatan dan Kesihatan

Professor Dr Balbir Singh Mohan Singh FASc . Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman FASc . Professor Szazly Abu Bakar FASc
Professor Dr Suresh Kumar P. Govind FASc . Professor Dr Zhari Ismail FASc

Sains Kejuruteraan dan Komputer

Professor Dr Ewe Hong Tat FASc . Professor Datuk Dr Mohd Ruddin Ab Ghani FASc . Professor Ir Dr Noor Azuan Abu Osman FASc

Biologi, Sains Pertanian dan Alam Sekitar

Professor Dr Abd Manaf Ali FASc . Datuk Dr Abdul Rahim Nik FASc . Professor Dato' Dr Mazlin Mokhtar FASc . Professor Dato' Dr Mohd Azmi Mohd Lila FASc
Dr Hj Rahimatsah Amat FASc . Professor Dato' Dr Rahmah Mohamed FASc . Professor Dr Vikineswary Sabaratnam FASc

Sains Matematik, Fizik dan Bumi

Professor Dr Ishak Hashim FASc . Professor Dr Raymond Ooi Chong Heng FASc . Dr Selliah Paramanathan FASc

Sains Kimia

Professor Dr Lim Yau Yan FASc . Professor Dr Mohd Basyaruddin Abdul Rahman FASc . Professor Dr Sharifah Bee Abd Hamid FASc
Professor Dr Taufiq Yap Yun Hin FASc . Professor Dato' Dr Wan Md Zin Wan Yunus FASc

Pembangunan S&T dan Industri

Mr Goh Peng Ooi FASc

Top Research Scientists Malaysia (TRSM) merupakan pengiktirafan kepada saintis penyelidik Malaysia yang memberikan sumbangan yang cemerlang di dalam bidang masing-masing. Ini adalah usaha ASM untuk membina budaya kecemerlangan di kalangan komuniti saintifik negara.

Professor Dr Ani Idris . Professor Dr Azmi Mohd Shariff . Professor Dr Farid Nasir Ani . Professor Dr Mohamed Azmi Ahmad Hassali
Professor Ir Dr Mohd Omar Ab. Kadir . Professor Ir Dr Mohd Sobri Takriff . Professor Dr Nik Meriam Nik Sulaiman . Dr Nor Azah Mohamad Ali
Professor Dr Othman Sulaiman . Professor Dr Robiah Yunus . Professor Dr Rofina Yasmin Othman . Professor Dr Rokiah Hashim
Professor Ir Dr Srimala Sreekantan . Professor Dr Wong Kum Thong

KERATAN AKHBAR
NEW STRAITS TIMES : MUKA SURAT 11
TARIKH : 3 NOVEMBER 2015 (SELASA)



Thank you

YB Datuk Seri Panglima Madius Tangau and YB Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah
Minister and Deputy Minister of Science, Technology and Innovation (MOSTI)

for gracing the ceremony for the
highest recognition in the Malaysian scientific community
on 31 October 2015



Congratulations



2015 Senior Fellows

Academician Emeritus Professor Tan Sri Dr Zakri Abdul Hamid FASc . Academician Emeritus Professor Dato' Dr Lam Sai Kit FASc

2015 Fellows

Medical and Health Sciences Discipline

Professor Dr Balbir Singh Mohan Singh FASc . Datuk Dr Lokman Hakim Sulaiman FASc . Professor Sazaly Abu Bakar FASc
Professor Dr Suresh Kumar P. Govind FASc . Professor Dr Zhari Ismail FASc

Engineering and Computer Sciences Discipline

Professor Dr Ewe Hong Tat FASc . Professor Datuk Dr Mohd Ruddin Ab Ghani FASc . Professor Ir Dr Noor Azuan Abu Osman FASc

Biological, Agricultural and Environmental Sciences Discipline

Professor Dr Abd Manaf Ali FASc . Datuk Dr Abdul Rahim Nik FASc . Professor Dato' Dr Mazlin Mokhtar FASc . Professor Dato' Dr Mohd Azmi Mohd Lila FASc
Dr Hj Rahimnatsah Amat FASc . Professor Dato' Dr Rahmah Mohamed FASc . Professor Dr Vikineswary Sabaratnam FASc

Mathematics, Physics and Earth Sciences Discipline

Professor Dr Ishak Hashim FASc . Professor Dr Raymond Ooi Chong Heng FASc . Dr Selliah Paramanathan FASc

Chemical Sciences Discipline

Professor Dr Lim Yau Yan FASc . Professor Dr Mohd Basyaruddin Abdul Rahman FASc . Professor Dr Sharifah Bee Abd Hamid FASc
Professor Dr Taufiq Yap Yun Hin FASc . Professor Dato' Dr Wan Md Zin Wan Yunus FASc

Science & Technology Development and Industry Discipline

Mr Goh Peng Ooi FASc

The Top Research Scientists Malaysia (TRSM) is a recognition given to Malaysian research scientists with outstanding contribution for the last five years in respective fields in an effort to build a culture of excellence among the scientific fraternity.

Professor Dr Ani Idris . Professor Dr Azmi Mohd Shariff . Professor Dr Farid Nasir Ani . Professor Dr Mohamed Azmi Ahmad Hassali
Professor Ir Dr Mohd Omar Ab. Kadir . Professor Ir Dr Mohd Sobri Takriff . Professor Dr Nik Meriam Nik Sulaiman . Dr Nor Azah Mohamad Ali
Professor Dr Othman Sulaiman . Professor Dr Robiah Yunus . Professor Dr Rofina Yasmin Othman . Professor Dr Rokiah Hashim
Professor Ir Dr Srimala Sreekantan . Professor Dr Wong Kum Thong